

WELCOME



Ashiza Yusfitriati binti Md. Yusof
JKKP Malaysia



KEPENTINGAN JAWATANKUASA KESELAMATAN & KESIHATAN DAN KEBERKESANANNYA DI TEMPAT KERJA





Apa itu JKK?



“Sekumpulan orang yang bertanggungjawab dan komited dalam usaha mereka yang bersungguh-sungguh untuk menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat”






Objektif JKJ



- Bagi menggalakkan perundingan dan kerjasama antara pihak pengurusan dan pekerja untuk meningkatkan keselamatan dan kesihatan pekerjaan

- Bagi menyediakan saluran perhubungan dua hala untuk penyebaran maklumat berkaitan isu-isu keselamatan dan kesihatan





Objektif JKJ

- Bagi menggalakkan minat dan motivasi semua peringkat pengurusan dan pekerja dalam hal-hal berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan tempat kerja.





Fungsi JKK

- 1. Membantu dalam membangunkan peraturan dan sistem**
- 2. Membantu dalam membangunkan dan semakan program**
- 3. Menganalisis trend dan statistik kemalangan**
- 4. Menyemak dan memberi cadangan berkaitan pindaan kepada Polisi K & K**
- 5. Melakukan pemeriksaan dan mencadangkan langkah pencegahan**





Fungsi JKJ

6. Menyiasat segera ke atas kejadian kemalangan dan cadang langkah perbaikan
7. Membantu dalam pembangunan program promosi dan pendidikan
8. Membincang laporan dari SHO dan Pegawai Penguatkuasa
9. Menasihat majikan hal-hal berkaitan KKP





JKK

Majikan perlu menubuhkan JKK jika:

- a) > 40 orang pekerja atau
- b) apabila diarahkan oleh Ketua Pengarah JKKP Malaysia.





Keanggotaan JKK

PENGERUSI

- Majikan
- Pengurus yang diberi kuasa oleh majikan

SETIAUSAHA

- SHO
- Dilantik oleh pengerusi
- Dipilih oleh AJK

WAKIL-WAKIL MAJIKAN

- Pengarah / Ketua Jabatan
- Penyelia Seksyen
- Dilantik oleh majikan
- Minima 2 orang (<100 pekerja)
- Minima 4 orang (>100 pekerja)





Keanggotaan JKK

WAKIL-WAKIL PEKERJA

- Wakil dari pelbagai seksyen
- Dipilih oleh pekerja
- Dilantik oleh majikan
- Minima 2 orang (<100 pekerja)
- Minima 4 orang (>100 pekerja)





Kekosongan

Sekiranya berlaku kekosongan dikalangan anggota suatu jawatankuasa keselamatan dan kesihatan, kekosongan itu hendaklah diisi oleh seseorang yang dilantik dengan cara yang sama sebagaimana anggota jawatankuasa terdahulu yang perletakan jawatannya atau selainnya telah mewujudkan kekosongan itu.

(Reg. 9)





[Reg. 7 (3)]

Seseorang majikan tidak boleh mendenda seseorang anggota jawatankuasa dengan apa-apa cara kerana tidak hadir untuk menjalankan kewajipan kerja biasanya semasa menjalankan fungsi-fungsi jawatankuasa





Pewakilan Pekerja Mencukupi

[Reg. 8]

Wakil-wakil pekerja dalam suatu Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan hendaklah dapat mewakili pelbagai bahagian tempat kerja supaya dapat mengekalkan dan mengembangkan minat pekerja untuk membentuk sesuatu keadaan bekerja yang selamat dan sihat di tempat kerja.





Penyingkiran Anggota JKK

JKK boleh menyingkirkan ahlinya sekiranya:

- a) Gagal menghadiri mesyuarat tanpa kebenaran sebanyak tiga kali berturutan
- b) Diisyihar tidak sempurna akal
- c) Bankrap
- d) Tidak lagi bekerja di tempat kerja
- e) Disabit melakukan kesalahan jenayah
- f) Tidak berupaya untuk menuai kewajipan sebagai anggota jawatankuasa





Mengendalikan Mesyuarat

Jawatankuasa hendaklah menyediakan prosedur serta terma dan syarat-syarat mesyuarat

Kekerapan :

- bergantung kepada risiko di tempat kerja
- digalakkan diadakan sekurang-kurangnya sekali sebulan untuk tempat kerja yang berisiko tinggi
- tiga bulan sekali untuk lain-lain tempat kerja seperti kehendak peraturan





Mengendalikan Mesyuarat

- Mengadakan mesyuarat secara lebih kerap diperingkat awal penubuhan jawatankuasa.
- mesyuarat perlu diadakan serta-merta apabila berlaku kemalangan yang melibatkan kehilangan nyawa atau kecederaan yang serius, kemalangan nyaris, kejadian berbahaya atau apa-apa situasi lain yang memerlukan perhatian serta-merta supaya dapat dipastikan keselamatan dan kesihatan pekerja di tempat kerja.





Mengendalikan Mesyuarat

Korum

- Pengerusi, Setiausaha dan tidak kurang daripada separuh daripada jumlah ahli.

Agenda dan minit mesyuarat:

- Mengedarkan agenda dan usul dengan kadar segera
- Minit mesyuarat hendaklah diedarkan selewat-lewatnya 2 minggu dari tarikh mesyuarat diadakan.
- Minit mesyuarat hendaklah disimpan oleh majikan minimum selama 7 tahun.





Mengendalikan Mesyuarat

Kemudahan mesyuarat :

- Tempat / bilik mesyuarat yang sesuai
- Mempunyai kemudahan yang mencukupi
- Majikan hendaklah membenarkan ahli menghadiri mesyuarat semasa waktu bekerja.





Penyiasatan Aduan

Pihak majikan perlu menyediakan dan menyelenggarakan sistem komunikasi untuk membolehkan perkerjanya membuat aduan.

Pihak majikan hendaklah melayan setiap aduan dengan segera dan mengambil tindakan segera untuk mengurangkan atau menghapuskan risiko ditempat kerja.

Jika majikan gagal menjalankan tanggungjawabnya, pekerja boleh merujuk kepada jawatankuasa.





Penyiasatan Aduan

Jawatankuasa hendaklah menyiasat setiap aduan dan menyediakan laporan serta cadangan penambahbaikan kepada pihak majikan.

(Reg. 16)





Penyelesaian Aduan

Majikan perlu melaksanakan setiap cadangan yang dicadangkan. Sekiranya pihak majikan tidak dapat melaksanakannya, pihak majikan perlu membawa cadangan tersebut kepada jawatankuasa.

Sekiranya jawatankuasa tidak bersetuju dengan alasan yang diberikan oleh majikan, pihak jawatankuasa hendaklah melaporkan kepada Ketua Pengarah untuk membuat pemeriksaan tempat kerja untuk tujuan penyelesaian perkara tersebut.





Penyelesaian Aduan

Jawatankuasa hendaklah mengemukakan 2 salinan berikut kepada Ketua Pengarah:

- a. Laporan pemeriksaan/penyiasatan
- b. cadangan jawatankuasa kepada majikan
- c. sebarang dokumen atau bukti berkaitan dengan aduan

(Reg. 17)





Falsafah KKP

“Tanggung jawab mempastikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja adalah terletak di atas bahu kepada **mereka yang mengujudkan risiko** dan mereka yang bekerja dengan risiko tersebut”



Elemen Kejayaan K & K





Komitmen Pengurusan

Penglibatan Diri
+
Komitmen Masa
+
Komitmen Kewangan





Komitmen Pekerja

Kesedaran K & K

+

Semangat Kerjasama

+

Kesediaan





Memastikan JKK Yang Berkesan

- Pengetahuan asas dan minat ahli
- Latihan berterusan kepada ahli
- Kemudahan mendapatkan maklumat yang relevan
- Ketepatan dan kekerapan mesyuarat
- Keputusan dan langkah susulan yang segera
- Publisiti yang luas berhubung dengan aktiviti JKK
- Pengiktirafan kepada ahli
- Kepimpinan Pengerusi
- Kekal dengan hal-hal KKP sahaja





Penalty



RM 5,000.00 atau 6 bulan penjara atau kedua-duanya sekali

(Reg. 32)





Ingatlah.....

- Kita ada dua tangan
- Kita ada dua kaki
- Kita ada dua mata
- Kita ada dua telinga
- Tapi,
 - kita hanya ada satu nyawa
- Malang tidak berbau...
- Oleh itu; sayangilah dan lindungi diri anda dari bahaya di tempat kerja





Percayalah.....



The more you talk about safety,

The less you talk about accident...





**Ingat
keselamatan**

**Bekerjalah
dengan
selamat**



Work site safety can be fashionable





If you think SAFETY
is expensive...

**TRY HAVING
AN ACCIDENT!!!**





THANK YOU

JKKP Malaysia, Aras 1,3,4 & 5, Blok D4 Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62530 W.P. Putrajaya